

STUDENTS' UNDERSTANDING ON MENSTRUATION AND ISTIHADAH: A CASE STUDY AT TATI UNIVERSITY COLLEGE, KEMAMAN

KEFAHAMAN PELAJAR MENGENAI DARAH HAID DAN ISTIHADAH: KAJIAN KES DI KOLEJ UNIVERSITI TATI, KEMAMAN

Ahmad Wafee Sulaimanⁱ & Mohd Nasran Mohamadⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. p137458@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Universiti, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. nasran@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 1 September 2024

Revised: 20 October 2024

Accepted: 31 October 2024

Abstract	<p><i>The fiqh of women encompasses various aspects of women's lives, including worship, personal regulations, menstruation, istihadah, marriage, divorce, and postnatal bleeding (nifas), and understanding these issues is crucial for ensuring that Muslim women practice their religion correctly and fulfill their daily obligations. However, in reality, many women, whether students or Islamic teachers, face confusion and misunderstandings regarding these matters. Therefore, this study aims to identify students' understanding of menstruation and istihadah, their characteristics, and the prohibitions related to them. This qualitative study used an online questionnaire as the research instrument. A total of 120 questionnaires were distributed to female students of Kolej Universiti Terengganu Advanced Technical Institute (TATI). Of these, 81 questionnaires were returned, but 12 were rejected due to incomplete responses. A total of 63 responses were successfully analyzed. The findings of this study indicate that, in general, the female students understand the concepts, characteristics, and prohibitions related to menstruation and istihadah well. However, there are also specific issues regarding istihadah that cause confusion among them, such as uncertainty about whether istihadah is caused by corrupted blood or disease, and they were unaware that the blood in istihadah can last for less than 24 hours or that performing the tawaf sunat (circumambulation) is permissible for women experiencing istihadah. The implications of these findings can assist religious authorities and government bodies in planning effective educational programs for women on these issues.</i></p> <p>Keywords: <i>Understanding, University College TATI, Women's Fiqh, Menstruation, Istihadah.</i></p>
Abstrak	<p><i>Fiqh wanita adalah ilmu yang merangkumi aspek kehidupan wanita termasuk ibadah, peraturan peribadi, haid, istihadah, perkahwinan, perceraian, nifas dan kefahaman mengenainya penting untuk memastikan wanita Muslim menjalankan agama dengan betul dan memenuhi kewajipan harian. Namun realitinya terdapat banyak kekeliruan dan kecelaruan yang dihadapi orang golongan wanita samada pelajar mahupun kalangan guru Islam. Justeru,</i></p>

	<p><i>kajian ini ingin mengenalpasti kefahaman pelajar mengenai haid dan istihadah, ciri – ciri keduanya serta perkara – perkara yang dilarang. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan borang soal selidik melalui atas talian sebagai instrumen kajian. Sebanyak 120 borang diagihkan kepada pelajar siswi Kolej Universiti Terengganu Advanced Technical Institute (TATI). Sebanyak 81 borang telah dikembalikan namun 12 borang ditolak kerana tidak lengkap. Sebanyak 63 maklumbalas yang berjaya dianalisis. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa secara umumnya pelajar siswi memahami konsep, ciri-ciri dan perkara yang dilarang ketika haid dan istihadah dengan baik. Walaubagaimanapun terdapat juga beberapa perkara khusus mengenai istihadah yang menjadi kecelaruan dan kekeliruan dalam kalangan mereka seperti tidak pasti istihadah adalah darah fasad atau darah penyakit dan antara ciri istihadah juga darah yang keluar kurang dari 24 jam dan mereka tidak tahu bahawa ibadah tawaf sunat bagi wanita istihadah adalah diperbolehkan. Implikasi dapatan kajian ini dapat membantu pihak berkuasa agama dan badan kerajaan merancang program pendidikan berkesan kepada wanita berkaitan isu ini.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Kefahaman, Kolej Universiti TATI, Fiqh wanita, Haid, Istihadah.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Fiqh wanita penting dalam memastikan wanita Muslim melaksanakan tuntutan agama dengan betul berlandaskan syarak. Walaubagaimanapun, berdasarkan pemerhatian Ketua Biro Penerangan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ramai wanita termasuklah remaja kurang diberi perhatian hingga menyebabkan kurangnya pengetahuan agama mengenai perkara asas dan hukum berkaitan darah wanita termasuk cara menyucikan diri sedangkan ia berkaitan ibadah (Latifah, 2022).

MAKSUD HAID DAN ISTIHADAH

Haid dari segi bahasa menurut Abdul Karim Zaidan (2000), Mustafa al-Bugha (1996), ialah *sailan* bermaksud mengalir iaitu memberi pokok yang mengalir getahnya atau banjir kerana orang Arab menyebutnya sebagai *had al wadi* apabila sesuatu tempat atau lembah menjadi banjir (Muhammad Al- Zahili, 2011).

Menurut Wahbah Az-Zuhaili (2020) terdapat tiga jenis darah yang keluar dari kemaluan wanita iaitu darah haid, darah istihadah dan darah nifas. Darah haid adalah darah yang keluar dari kemaluan wanita dalam keadaan sihat manakala darah istihadah pula adalah darah yang keluar dari kemaluan wanita itu dalam keadaan sakit dan darah tersebut bukanlah darah haid. Selanjutnya darah nifas pula adalah darah yang keluar bersama keluarnya bayi. Ketiga – tiga darah tersebut mempunyai waktu, ciri dan sifat yang berbeza-beza antara satu sama lain.

Istihadah dari segi bahasa diambil dari kalimah *al-haid* iaitu darah yang keluar bukan pada waktu kebiasaan haid. Wanita yang mengalami keadaan istihadah digelar sebagai *mustahadah* (al-Fayumi, 1987). Dari segi istilah, menurut pandangan al-Nawawi (1980) bahawa istihadah adalah darah penyakit yang keluar daripada hujung urat yang berada di bawah rahim selepas tempoh sebanyak- banyak haid dan selepas tempoh sebanyak-banyak nifas, sama ada keluarnya istihadah itu mengiringi kesan darah haid atau tidak mengiringi darah haid. Bujairimi (1996) berpendapat bahawa istihadah ialah darah yang keluar kerana penyakit daripada hujung urat yang berada di bawah rahim iaitu mulut rahim selepas tempoh haid yang paling maksima begitu juga dengan nifas. Dengan ini, dapat difahami bahawa istihadah ialah darah yang keluar selepas tempoh sebanyak-banyak haid iaitu 15 hari dan 60 hari bagi nifas.

Menurut Saharah (2018) perbezaan di antara darah haid dan istihadah ialah darah haid adalah darah yang keluar dari dalam rahim dan warnanya juga hitam pekat dan rasa

kepanasan. Manakala darah istihadah adalah darah yang lemah dan keluar daripada hujung urat yang terletak di bawah dinding rahim. Warnanya kemerah-merahan dan ia berubah-ubah sifatnya mengikut faktor pemakanan, masa dan sesuatu tempat.

Selain itu, ajaran Islam sememangnya menekankan panduan dan amalan yang betul dalam pengurusan haid kerana ia berkait rapat dengan kesihatan, kebersihan dan ibadah bagi wanita Muslim. Bahkan menurut Norhafizah Ahmad (2023), pengurusan darah wanita ini merangkumi amalan sebelum, semasa dan selepas kedatangan haid. Antara amalan yang perlu dipraktikkan sebelum kedatangan haid ialah pengurusan kalendar datang bulan serta memotong kuku dan rambut, amalan semasa kedatangan haid pula ialah penjagaan kebersihan tubuh badan, pakaian, persekitaran dan alat sulit, penggunaan tuala wanita, pelaksanaan amalan sunat serta pematuhan terhadap pantang larang semasa haid manakala amalan selepas haid melibatkan mandi hadas serta amalan-amalan sunat ketika mandi wajib.

Kefahaman mengenai darah haid dan istihadah adalah penting dan perlu ditekankan oleh wanita. Darah haid adalah jenis darah yang keluar dari kemaluan wanita begitu juga darah-darah lain seperti nifas dan istihadah juga keluar melalui saluran yang sama. Ini mencipta kekeliruan bagi wanita yang tidak memahami perbezaan di antara darah – darah tersebut.

Menurut Siti Asmah Khalid (2022) terdapat kekeliruan terjadi bukan kepada murid sahaja, namun didapati berlaku kekeliruan juga dalam kalangan Guru Islam. Kelemahan didapati daripada aspek kurang kefahaman dalam mengenal tempoh, ciri, sifat, warna haid dan istihadah, tempoh antara dua haid, tempoh antara dua suci dan sebagainya. Ketika setiap wanita mengalami haid dia wajib mempelajari tempoh kebiasaan haidnya. Berbeza dengan istihadah, yang dianggap sebagai darah fasad. Maka, hukumnya sudah pasti berbeza dengan haid. Seterusnya Muhammad Arif Azmi (2021) mendapati bahawa tahap kefahaman pelajar siswi Darul Quran Wal Hadiths As Sofa, Ampang terhadap haid dan jenis-jenis istihadah berada pada tahap yang sederhana walaubagaimanapun berbeza pula dengan tahap kefahaman pelajar terhadap perkara-perkara yang dilarang ketika haid dan istihadah berada pada tahap yang tinggi. Selanjutnya Rohana Abdullah (2021) merumuskan terdapat jurang atau jarak di antara yang tinggi dan yang sederhana tinggi bagi kefahaman pelajar sebuah sekolah menengah di Kota Bharu mengenai haid dan istihadah dan ciri – ciri kedua – duanya. Selain itu, faktor sikap ambil mudah dan kurang cakna serta jahil dalam haid dan istihadah ini turut menjadi penyumbang terbesar kepada isu yang sedang dibincangkan ini sebagaimana nukilan di laman sesawang harian metro (Ahmad Hafiz Ali Makdom, 2021).

Berdasarkan permasalahan di atas menunjukkan bahawa terdapat kekeliruan dan kekurangan kefahaman mendalam mengenai haid dan istihadah dalam kalangan pelajar dan guru, terutama berkaitan ciri-ciri, tempoh dan peraturan khusus. Sikap ambil mudah terhadap isu ini memperburuk lagi keadaan, menunjukkan keperluan mendesak untuk kajian lebih mendalam.

Justeru mendorong penulis untuk melakukan satu kajian rintis (*pilot study*) melibatkan pelajar siswi di Kolej Universiti TATI bagi mengenalpasti kefahaman mereka terhadap haid dan istihadah; ciri – ciri keduanya, serta perkara-perkara yang dilarang. Kajian ini adalah perlu memandangkan kebanyakan kajian sebelum ini hanya melibatkan responden di luar negeri Terengganu seperti Kelantan dan Selangor.

KAJIAN LITERATUR

Kajian Rayyan Ulya Amani (2023) membincangkan pandangan ulama mengenai darah haid dan istihadah dari perspektif keempat mazhab utama, dengan menekankan persamaan dan perbezaan pendapat antara mazhab. Walau bagaimanapun, penulisan kajian ini tidak mengaitkan dapatan tersebut dengan kajian lain yang membincangkan implikasi praktikal pandangan mazhab terhadap pemahaman masyarakat umum. Contohnya, kajian Siti Asmah Khalid (2022) yang menunjukkan tahap pengetahuan cemerlang di kalangan guru-guru Islam boleh dijadikan rujukan untuk membandingkan bagaimana pemahaman tentang mazhab mempengaruhi pengajaran dan amalan mereka. Ini akan memberikan konteks yang

lebih jelas tentang relevansi pandangan mazhab dalam kehidupan seharian. Namun begitu, tidak ada perbandingan dengan kajian lain yang mungkin menunjukkan hasil yang berbeza di kawasan atau populasi lain.

Selanjutnya kajian Rohana Abdullah (2022) dan Muhammad Arif Azmi (2021) menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap haid dan istihadah berada pada tahap yang berbeza, dengan Rohana mendapati tahap kefahaman berada pada tahap tinggi, sementara Muhammad Arif Azmi menunjukkan kefahaman pada tahap sederhana. Tiada analisis lanjut mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan ini, seperti latar belakang pendidikan, pengaruh guru, atau sumber pembelajaran. Analisis yang lebih kritis boleh mengaitkan dapatan ini dengan kajian Siti Asmah Khalid (2022) yang menunjukkan bahawa pengetahuan guru berada pada tahap tinggi yang seharusnya memberi kesan positif terhadap kefahaman pelajar mereka.

Kajian Noraini Ismail (2016) mendapati terdapat kekeliruan dalam kalangan pelajar Universiti Teknologi Mara Cawangan Perlis mengenai permasalahan haid dan istihadah. Walaupun ini menunjukkan kelemahan dalam pendidikan fiqh di kalangan pelajar, namun tidak ada rujukan atau perbandingan dengan kajian lain yang mungkin menunjukkan dapatan yang sama atau sebaliknya.

Seterusnya kajian Norhafizah Ahmad (2023) menumpukan pada amalan pengurusan kebersihan haid berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun dapatan kajian ini menekankan kepentingan kebersihan dalam pengurusan haid, ia tidak dikritik atau dianalisis dari segi bagaimana pengetahuan ini diamalkan oleh masyarakat. Kajian Saharah Ahmad Mahadi (2018) mengenai pengurusan istihadah menunjukkan bahawa aspek kebersihan dan pengurusan istihadah sangat berkait rapat dengan Fiqh Islam dan perubatan. Perbandingan antara kedua-dua kajian ini boleh menjelaskan bagaimana amalan pengurusan yang berasaskan ajaran Islam diterapkan dalam kehidupan seharian wanita.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan borang kaji selidik sebagai instrumen kajian. Borang ini diolah daripada Muhammad Arif Azmi (2021) dan Siti Asmah Khalid (2022). Kajian ini menggunakan 8 daripada 11 soalan dalam borang kaji selidik Muhammad Arif Azmi (2021) yang melibatkan kefahaman berkaitan haid dan jenis istihadah. Kajian ini juga menggunakan kesemua soalan dalam borang kaji selidik Siti Asmah Khalid (2022) yang melibatkan ciri – ciri dan perkara yang dilarang ketika haid dan istihadah.

Akhirnya satu set borang soal selidik telah dibentuk berdasarkan sumber rujukan yang telah diperolehi di atas. Ia terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian satu meliputi latar belakang responden, bahagian dua mengenai kefahaman berkaitan haid dan istihadah, bahagian tiga mengenai kefahaman terhadap ciri – ciri haid dan istihadah dan bahagian empat mengenai perkara-perkara yang dilarang ketika haid dan istihadah.

Terdapat 1408 orang pelajar di Kolej Universiti TATI terbahagi kepada 853 pelajar siswa dan 555 pelajar siswi. Satu set borang soal selidik ini telah diedarkan secara atas talian kepada 120 orang pelajar siswi iaitu 21% daripada jumlah keseluruhan populasi pelajar siswi. Medium yang digunakan adalah melalui platform *WhatsApp*. Borang ini diedarkan melalui pensyarah kepada 40 orang pelajar asasi, 40 orang pelajar diploma dan 40 orang pelajar ijazah. Sebanyak 81 maklumbalas telah diterima di mana kadar pulangan borang yang diisi adalah sebanyak 73%. Responden mempunyai tempoh masa selama dua minggu bagi tujuan maklumbalas.

DAPATAN KAJIAN


Sebanyak 81 maklumbalas telah diterima pada tarikh tutup soal selidik. Daripada jumlah ini sebanyak 5 maklumbalas ditolak kerana tidak lengkap, manakala sebanyak 7 maklumbalas ditolak kerana bukan daripada pelajar Kolej Universiti TATI. Akhirnya sebanyak 63 maklumbalas yang dianalisis. Berdasarkan kepada Pratiksinh (2024), saiz sampel yang sesuai bagi populasi 555 pada tahap keyakinan 90% dan ralat jidar 10% adalah

sebanyak 61. Justeru, jumlah sampel kajian ini adalah memadai untuk menggambarkan populasi pelajar siswi Kolej Universiti TATI secara keseluruhannya.

Analisis Bahagian A (Demografi Responden)

1. Pendidikan Tertinggi


Rajah 1 menunjukkan bilangan responden mengikut tahap pendidikan tertinggi. Peratusan tertinggi ialah responden peringkat diploma seramai 33 orang bersamaan 52%, diikuti dengan responden spm seramai 22 orang bersamaan 35%, seterusnya responden stpm seramai 6 orang bersamaan 10% dan akhir sekali responden sijil sebanyak 2 orang bersamaan 3%.



Rajah 1 : Taburan Responden Mengikut Pendidikan Tertinggi

2. Daerah Tempat Tinggal

Rajah 2 menunjukkan bilangan responden mengikut daerah tempat tinggal. Peratusan yang tertinggi ialah daerah Kemaman seramai 26 orang bersamaan 41.3%, kemudian diikuti dengan daerah Marang seramai 8 orang bersamaan 12.7%, seterusnya luar Terengganu seramai 7 orang bersamaan 11.1%, seterusnya daerah Kuala Terengganu dan Dungun masing-masing sebanyak 6 orang bersamaan dengan 9.5%, seterusnya daerah Kuala Nerus seramai 4 orang bersamaan 6.3%, kemudian diikuti dengan daerah Hulu Terengganu dan Besut masing-masing seramai 3 orang bersamaan dengan 4.8%. Akhir sekali adalah daerah Setiu mencatat 0% kerana tiada responden.



Rajah 2: Taburan Responden Mengikut Daerah Tempat Tinggal

Analisis Bahagian B

Bahagian ini hanya terfokus kepada kefahaman berkaitan darah haid dan darah istihadah. Keseluruhan soalan yang dikemukakan adalah berjumlah 12 item. Hanya ada 3 pilihan jawapan iaitu Tidak, Tidak Pasti dan Ya.

1. Kefahaman Berkaitan Haid Dan Istihadah

Hasil kajian bagi kefahaman pelajar siswi Kolej Universiti TATI berkaitan haid dan istihadah adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Taburan Kefahaman Pelajar Berkaitan Haid dan Istihadah

BIL	PERKARA	SKALA		
		1 (Tidak)	2 (Tidak Pasti)	3 (Ya)
1	Saya tahu maksud haid	2 (3.2%)	0 (0%)	61 (96.8%)
2	Saya faham berkaitan haid	0 (0%)	9 (14.3)	54 (85.7%)
3	Saya kenal warna darah haid	1 (1.6%)	5 (7.9%)	58 (92.1%)
4	Saya tahu haid ialah darah yang keluar dari bahagian hujung rahim perempuan	4 (6.3%)	8 (12.7%)	51 (81%)
5	Saya tahu tempoh kebiasaan perempuan mengalami haid adalah 6 – 7 hari	2 (3.2%)	3 (4.8%)	59 (93.7%)
6	Saya tahu perempuan yang mengalami haid berpotensi untuk hamil	8 (12.7%)	8 (12.7%)	47 (74.6%)
7	Saya tahu perempuan yang sudah putus haid (menopause) tidak berpotensi untuk didatangi haid	5 (7.9%)	8 (12.7%)	50 (79.4%)
8	Saya tahu maksud istihadah	1 (1.6%)	9 (14.3%)	53 (84.1%)
9	Saya faham berkaitan istihadah	1 (1.6%)	18 (28.6%)	44 (69.8%)
10	Saya kenal warna darah istihadah	5 (7.9%)	25 (39.7%)	34 (54%)
11	Saya tahu istihadah ialah darah yang keluar daripada bahagian tengah rahim perempuan	4 (6.3%)	27 (42.9%)	33 (52.4%)
12	Saya tahu darah istihadah juga dikenali sebagai darah fasad	3 (4.8%)	30 (47.6%)	30 (47.6%)

Berdasarkan jadual di atas, bagi item 1 seramai 61 pelajar bersamaan (96.8%) merespon sebagai ya. Seterusnya, disusuli dengan 2 orang (3.2%) yang merespon sebagai tidak dan disusuli dengan tiada pelajar yang merespon tidak pasti (0%). Secara keseluruhannya, dapat dilihat para pelajar tahu maksud haid. Seterusnya, item 2 pula menunjukkan responden ya adalah yang paling tinggi dengan peratusan sebanyak (85.7%) bersamaan 54 orang, disusuli peratusan kedua tertinggi iaitu tidak pasti (14.3%) bersamaan 9 orang dan tiada pelajar yang merespon tidak. Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa, responden faham berkaitan haid. Dapatan adalah sejajar dengan kajian Rohana (2022), Noraini (2016) dan Siti Asmah Khalid (2022) di mana pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi awam dan guru Islam memahami berkaitan haid.

Seterusnya, bagi item 3 pula menunjukkan bahawa seramai 58 pelajar (92.1%) merespon sebagai ya dan seramai 5 pelajar (7.9%) merespon sebagai tidak pasti, manakala 1 orang pelajar (1.6%) memilih tidak. Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa para pelajar kenal warna darah haid. Bagi item 4, seramai 51 pelajar merespon sebagai ya (81%), manakala 8 pelajar memilih tidak pasti (12.7%), dan disusuli 4 pelajar yang merespon sebagai tidak (6.3%). Secara keseluruhan dapat dilihat para pelajar tahu bahawa haid ialah darah yang keluar dari bahagian hujung rahim perempuan. Dapatan adalah selari dengan pelajar jurusan agama pengkhususan al – Quran dan Hadis, Darul Quran As – Safa menerusi kajian Muhammad Arif Azmi (2021).

Selanjutnya, item 5 menunjukkan majoriti seramai 59 pelajar merespon sebagai ya (93.7%), manakala 3 pelajar memilih tidak pasti (4.8%), dan disusuli 2 pelajar yang merespon sebagai tidak (3.2%). Secara keseluruhannya, dapat dilihat para pelajar tahu bahawa 6-7 hari adalah tempoh kebiasaan wanita mengalami haid. Kemudian, item 6 seterusnya menunjukkan majoriti seramai 47 pelajar yang merespon sebagai ya (74.6%), selainnya memilih untuk merespon sebagai tidak pasti dan tidak masing-masing mewakili 8 orang pelajar (12.7%). Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa para pelajar tahu bahawa wanita yang mengalami haid berpotensi untuk hamil. Dapatan adalah selari dengan pelajar jurusan agama pengkhususan al – Quran dan Hadis, Darul Quran As – Safa menerusi kajian Muhammad Arif Azmi (2021).

Selain itu, item 7 pula mencatatkan seramai 50 pelajar (79.4%) merespon sebagai ya, manakala 8 pelajar (12.7%) merespon tidak pasti, selainnya memilih tidak seramai 5 orang pelajar (7.9%). Secara kesimpulannya, para pelajar tahu bahawa wanita yang sudah putus haid (*menopaus*) tidak berpotensi untuk didatangi haid dengan agak baik. Bagi item 8 pula mencatatkan seramai 53 pelajar bersamaan (84.1%) tahu maksud istihadah, manakala 9 pelajar bersamaan (14.3%) tidak pasti dan 1 pelajar bersamaan (1.6%) memilih tidak pasti. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa pelajar tahu maksud istihadah. Dapatan adalah selari dengan kajian Rohana (2022) dan Noraini (2016).

Selanjutnya, item 9 memaparkan seramai 44 pelajar (69.8%) tahu, manakala 18 pelajar (28.6%) tidak pasti dan 1 pelajar (1.6%) memilih tidak. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa sebahagian besar pelajar faham berkaitan istihadah. Bagi item 10 pula menunjukkan bahawa seramai 34 pelajar bersamaan (54%) merespon sebagai ya, disusuli dengan 25 pelajar bersamaan (39.7%) yang merespon tidak pasti, manakala 5 pelajar bersamaan (7.9%) memilih tidak. Secara kesimpulannya, dapat dilihat bahawa para pelajar kenal warna darah istihadah. Dapatan adalah hampir selari dengan kajian Rohana (2022) dan Noraini (2016).

Seterusnya, item 11 memaparkan seramai 33 pelajar (52.4%) merespon dengan ya, 27 pelajar (42.9%) pula tidak pasti, manakala 4 pelajar memilih jawapan tidak (6.3%). Secara keseluruhannya, dapat dilihat para pelajar tahu bahawa Istihadah ialah darah yang keluar daripada bahagian tengah rahim perempuan. Akhir sekali, bagi item 12 seramai 30 pelajar (47.6%) masing – masing merespon dengan ya dan tidak pasti, manakala 3 pelajar memilih tidak (4.8%) terhadap soal selidik yang diberikan. Ini mungkin kerana responden kurang pasti dengan maksud istilah darah fasad tersebut, namun begitu apa yang pasti adalah responden ini bukan tidak tahu mengenai darah yang dinyatakan tersebut.

Analisis Bahagian C


Bahagian ini hanya terfokus kepada kefahaman mengenai ciri – ciri darah haid dan darah istihadah. Keseluruhan soalan yang dikemukakan adalah berjumlah 10 item. Hanya ada 3 pilihan jawapan iaitu Tidak, Tidak Pasti dan Ya.

1. Kefahaman Mengenai Ciri – Ciri Haid Dan Istihadah

Hasil kajian bagi kefahaman pelajar siswi Kolej Universiti TATI mengenai ciri - ciri haid dan istihadah adalah seperti rajah 3 hingga rajah 12.

Berdasarkan Rajah 3, bagi item 1 seramai 54 pelajar (85.7%) merespon sebagai ya manakala bakinya seramai 9 pelajar bersamaan (14.3%) mewakili tidak pasti. Secara

keseluruhannya, para pelajar tahu haid adalah darah yang keluar lebih daripada 24 jam. Dapatan adalah selari dengan pelajar siswi sekolah menengah kebangsaan yang belajar subjek agama menerusi kajian Rohana (2022).



Rajah 3: Taburan maklumbalas bagi item 1

Berdasarkan Rajah 4, bagi item 2 seramai 53 pelajar (85.1%) merespon sebagai ya manakala seramai 5 pelajar bersamaan (7.9%) memilih tidak pasti dan 6 pelajar bersamaan (9.5%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu haid ialah darah yang keluar dalam tempoh kebiasaan haid. Dapatan adalah selari dengan pelajar siswi sekolah menengah kebangsaan yang belajar subjek agama menerusi kajian Rohana (2022).




Rajah 4 : Taburan maklumbalas bagi item 2

Berdasarkan Rajah 5, bagi item 3 seramai 42 pelajar (66.7%) merespon sebagai ya manakala seramai 13 pelajar bersamaan (20.6%) memilih tidak pasti dan 9 pelajar bersamaan (14.3%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu warna kekuningan dalam tempoh kebiasaan haid juga dikira sebagai haid. Dapatan adalah lebih tinggi dengan pelajar siswi sekolah menengah kebangsaan yang belajar subjek agama menerusi kajian Rohana (2022).



Rajah 5 : Taburan maklumbalas bagi item 3

Berdasarkan Rajah 6, bagi item 4 seramai 47 pelajar (74.6%) merespon sebagai tidak manakala seramai 14 pelajar bersamaan (22.2%) memilih tidak pasti dan 3 pelajar bersamaan (4.8%) mewakili ya. Secara keseluruhannya, para pelajar tidak tahu haid ialah darah yang keluar semasa hamil. Dapatan adalah selari dengan pelajar siswi sekolah menengah kebangsaan yang belajar subjek agama menerusi kajian Rohana (2022).




Rajah 6 : Taburan maklumbalas bagi item 4

Berdasarkan Rajah 7, bagi item 5 seramai 45 pelajar (71.4%) merespon sebagai ya manakala seramai 13 pelajar bersamaan (20.6%) memilih tidak pasti dan 5 pelajar bersamaan (7.9%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu haid ialah darah yang keluar ketika perempuan berusia lebih 9 tahun. Dapatan adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar siswi sekolah menengah kebangsaan yang belajar subjek agama menerusi kajian Rohana (2022). Ini adalah kerana responden kajian ini adalah lebih berusia daripada responden kajian terdahulu kerana mereka merupakan pelajar IPT sedangkan responden dalam kajian Rohana (2022) adalah pelajar sekolah menengah.



Rajah 7 : Taburan maklumbalas bagi item 5

Berdasarkan Rajah 8, bagi item 6 seramai 59 pelajar (93.7%) merespon sebagai ya manakala seramai 3 pelajar bersamaan (4.8%) memilih tidak pasti dan 1 pelajar bersamaan (1.6%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu tempoh maksimum haid adalah 15 hari. Dapatan adalah selari dengan pelajar siswi sekolah menengah kebangsaan yang belajar subjek agama menerusi kajian Rohana (2022).



Rajah 8 : Taburan maklumbalas bagi item 6

Berdasarkan Rajah 9, bagi item 7 seramai 24 pelajar (38.1%) merespon sebagai tidak pasti manakala seramai 21 pelajar bersamaan (33.3%) memilih ya dan 19 pelajar bersamaan (30.2%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tidak pasti istihadah adalah darah yang keluar kurang daripada 24 jam. Dapatan adalah selari dengan pelajar siswi sekolah menengah kebangsaan yang belajar subjek agama menerusi kajian Rohana (2022).



Rajah 9 : Taburan maklumbalas bagi item 7

Berdasarkan Rajah 10, bagi item 8 seramai 52 pelajar (82.5%) merespon sebagai ya manakala seramai 10 pelajar bersamaan (15.9%) memilih ya dan 1 pelajar bersamaan (1.6%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu istihadhah ialah darah yang keluar melebihi tempoh maksimum haid iaitu 15 hari. Dapatan adalah selari dengan pelajar siswi sekolah menengah kebangsaan yang belajar subjek agama menerusi kajian Rohana (2022).



Rajah 10 : Taburan maklumbalas bagi item 8

Berdasarkan Rajah 11, bagi item 9 seramai 30 pelajar (47.6%) merespon sebagai tidak manakala seramai 25 pelajar bersamaan (39.7%) memilih tidak pasti dan 8 pelajar bersamaan (12.7%) mewakili ya. Secara keseluruhannya, para pelajar tidak tahu istihadhah ialah darah yang keluar ketika perempuan berusia kurang 9 tahun. Dapatan adalah selari dengan pelajar siswi sekolah menengah kebangsaan yang belajar subjek agama menerusi kajian Rohana (2022).



Rajah 11 : Taburan maklumbalas bagi item 9

Berdasarkan Rajah 12, bagi item 10 seramai 44 pelajar (69.8%) merespon sebagai ya manakala seramai 13 pelajar bersamaan (20.6%) memilih tidak pasti dan 6 pelajar bersamaan (9.5%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu istihadhah ialah darah yang keluar di luar waktu kebiasaan haid saya. Ini adalah kerana responden kajian ini adalah lebih berusia daripada responden kajian terdahulu kerana mereka merupakan pelajar IPT sedangkan responden dalam kajian Rohana (2022) adalah pelajar sekolah menengah.



Rajah 12 : Taburan maklumbalas bagi item 10

Analisis Bahagian D


Bahagian ini hanya terfokus kepada kefahaman mengenai perkara-perkara yang dilarang ketika haid dan istihadhah. Keseluruhan soalan yang dikemukakan berjumlah 9 item. Hanya ada 3 pilihan jawapan iaitu Tidak, Tidak Pasti dan Ya.

1. Kefahaman Mengenai Perkara – Perkara Yang Dilarang Ketika Haid Dan Istihadhah

Hasil kajian bagi kefahaman pelajar siswi Kolej Universiti TATI mengenai perkara-perkara yang dilarang ketika haid dan istihadhah adalah seperti di rajah 13 hingga rajah 21.


Berdasarkan Rajah 13, bagi item 1 seramai 62 pelajar (96.9%) merespon sebagai ya manakala bakinya seramai 2 pelajar bersamaan (3.1%) mewakili tidak pasti. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu bahawa perempuan yang didatangi haid tidak dibenarkan untuk melakukan solat. Ini disebabkan umum mengetahui hukumnya sekaligus menyebabkan kecaknaan mengenainya tinggi. Dapatan adalah selari dengan pelajar jurusan

agama pengkhususan al – Quran dan Hadis, Darul Quran As – Safa menerusi kajian Muhammad Arif Azmi (2021).



Rajah 13 : Taburan maklumbalas bagi item 1

Berdasarkan Rajah 14, bagi item 2 seramai 57 pelajar (89.1%) merespon sebagai ya manakala bakinya seramai 7 pelajar bersamaan (10.9%) mewakili tidak pasti. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu bahawa tawaf adalah haram dilakukan ketika haid. Ini disebabkan umum mengetahui hukumnya sekaligus menyebabkan kecaknaan mengenainya tinggi. Dapatan adalah selari dengan pelajar jurusan agama pengkhususan al – Quran dan Hadis, Darul Quran As – Safa menerusi kajian Muhammad Arif Azmi (2021).




Rajah 14: Taburan maklumbalas bagi item 2

Berdasarkan Rajah 15, bagi item 3 seramai 35 pelajar (55.6%) merespon sebagai tidak pasti manakala bakinya masing masing seramai 21 pelajar bersamaan (33.3%) memilih ya dan 7 pelajar bersamaan (11.1%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tidak pasti perempuan yang istihadah diperbolehkan untuk melakukan tawaf sunat. Ini mungkin kerana pelajar kurang pasti dengan hukum tersebut berkemungkinan kurangnya ilmu pengetahuan mengenainya. Dapatan adalah selari dengan pelajar jurusan agama pengkhususan al – Quran dan Hadis, Darul Quran As – Safa menerusi kajian Muhammad Arif Azmi (2021).



Rajah 15: Taburan maklumbalas bagi item 3

Berdasarkan Rajah 16, bagi item 4 seramai 44 pelajar (69.8%) merespon sebagai ya manakala bakinya masing masing seramai 10 pelajar bersamaan (15.9%) memilih tidak pasti dan 9 pelajar bersamaan (14.3%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu perempuan yang sedang mengalami istihadah boleh melakukan ibadah solat. Ini disebabkan umum mengetahui hukumnya sekaligus menyebabkan kecaknaan mengenainya tinggi. Dapatan adalah berkadar songsang dengan pelajar jurusan agama pengkhususan al - Quran dan Hadis, Darul Quran As - Safa menerusi kajian Muhammad Arif Azmi (2021).



Rajah 16: Taburan maklumbalas bagi item 4

Berdasarkan Rajah 17, bagi item 5 seramai 53 pelajar (84.1%) merespon sebagai ya manakala bakinya masing masing seramai 7 pelajar bersamaan (11.1%) memilih tidak pasti dan 3 pelajar bersamaan (4.8%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu bahawa membaca al-Quran bagi tujuan semata-mata untuk mendapat pahala ketika haid adalah haram. Ini disebabkan umum mengetahui hukumnya sekaligus menyebabkan kecaknaan mengenainya tinggi. Dapatan adalah selari dengan pelajar jurusan agama pengkhususan al - Quran dan Hadis, Darul Quran As - Safa menerusi kajian Muhammad Arif Azmi (2021).



Rajah 17 : Taburan maklumbalas bagi item 5

Berdasarkan gambar rajah 18 di atas, bagi item 6 seramai 41 pelajar (65.1%) merespon sebagai ya manakala bakinya masing masing seramai 18 pelajar bersamaan (28.6%) memilih tidak pasti dan 4 pelajar bersamaan (6.3%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu bahawa perempuan yang membaca al-Quran dalam keadaan istihadah atas tujuan berzikir adalah dibenarkan. Ini disebabkan umum mengetahui hukumnya sekaligus menyebabkan kecaknaan mengenainya tinggi. Dapatan adalah selari dengan pelajar jurusan agama pengkhususan al – Quran dan Hadis, Darul Quran As – Safa menerusi kajian Muhammad Arif Azmi (2021).



Rajah 18 : Taburan maklumbalas bagi item 6

Berdasarkan Rajah 19, bagi item 7 seramai 51 pelajar (81%) merespon sebagai ya manakala bakinya masing masing seramai 11 pelajar bersamaan (17.5%) memilih tidak pasti dan 1 pelajar bersamaan (1.6%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu bahawa suami yang melakukan persetubuhan dengan isterinya dalam keadaan haid adalah haram. Ini disebabkan umum mengetahui hukumnya sekaligus menyebabkan kecaknaan mengenainya tinggi. Dapatan adalah selari dengan pelajar jurusan agama pengkhususan al – Quran dan Hadis, Darul Quran As – Safa menerusi kajian Muhammad Arif Azmi (2021).




Rajah 19 : Taburan maklumbalas bagi item 7

Berdasarkan Rajah 20, bagi item 8 seramai 61 pelajar (96.8%) merespon sebagai ya manakala bakinya seramai 2 pelajar bersamaan (3.2%) memilih tidak pasti. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu bahawa haram secara mutlak bagi perempuan yang berpuasa ketika haid sama ada puasa sunat mahupun fardhu. Ini disebabkan umum mengetahui hukumnya sekaligus menyebabkan kecaknaan mengenainya tinggi. Dapatan adalah selari dengan pelajar jurusan agama pengkhususan al – Quran dan Hadis, Darul Quran As – Safa menerusi kajian Muhammad Arif Azmi (2021).



Rajah 20 : Taburan maklumbalas bagi item 8

Berdasarkan Rajah 21, bagi item terakhir iaitu 9, seramai 32 pelajar (50.8%) merespon sebagai ya manakala bakinya masing – masing seramai 25 pelajar bersamaan (39.7%) memilih tidak pasti dan seramai 6 pelajar bersamaan (9.5%) mewakili tidak. Secara keseluruhannya, para pelajar tahu bahawa perbuatan mentalak isteri ketika haid adalah haram. Ini disebabkan umum mengetahui hukumnya sekaligus menyebabkan kecaknaan mengenainya tinggi. Dapatan adalah selari dengan pelajar jurusan agama pengkhususan al – Quran dan Hadis, Darul Quran As – Safa menerusi kajian Muhammad Arif Azmi (2021).



Rajah 21 : Taburan maklumbalas bagi item 9

PENUTUP

Kajian ini telah dapat mengenal pasti kefahaman pelajar siswi Kolej Universiti TATI terhadap darah haid dan istihadah iaitu berada pada tahap yang sangat baik.

Bagi kefahaman berkaitan darah haid dan istihadah secara keseluruhannya, para pelajar tahu bahawa haid ialah darah yang keluar dari bahagian hujung rahim perempuan, wanita yang mengalami haid berpotensi untuk hamil. Dapatan-dapatan ini adalah selari dengan kajian Muhammad Arif Azmi (2021). Selain itu, para pelajar juga secara keseluruhannya tahu maksud dan kenal warna darah istihadah, darah yang keluar daripada bahagian tengah rahim perempuan adalah darah istihadah. Dapatan-dapatan ini adalah selari dengan kajian Rohana (2022) dan Noraini (2016).

Bagi ciri-ciri haid dan istihadah, secara keseluruhannya, para pelajar tahu haid adalah darah yang keluar lebih daripada 24 jam, haid ialah darah yang keluar dalam tempoh kebiasaan haid, warna kekuningan dalam tempoh kebiasaan haid juga dikira sebagai haid, tempoh maksimum haid adalah 15 hari, istihadah ialah darah yang keluar melebihi tempoh maksimum haid iaitu 15 hari, haid ialah darah yang keluar ketika perempuan berusia lebih 9 tahun, istihadah ialah darah yang keluar di luar waktu kebiasaan haid manakala para pelajar tidak tahu darah yang keluar ketika perempuan berusia kurang 9 tahun, tidak pasti istihadah adalah darah yang keluar kurang daripada 24 jam. Dapatan-dapatan ini adalah selari dengan kajian Rohana (2022).

Bagi perkara-perkara yang dilarang ketika haid dan istihadah, secara keseluruhannya, para pelajar tahu bahawa perempuan yang didatangi haid tidak dibenarkan untuk melakukan solat, tawaf adalah haram dilakukan ketika haid, perempuan yang istihadah diperbolehkan untuk melakukan tawaf sunat, membaca al-Quran bagi tujuan semata-mata untuk mendapat pahala ketika haid adalah haram, perempuan yang membaca al-Quran dalam keadaan istihadah atas tujuan berzikir adalah dibenarkan, suami yang melakukan persetubuhan dengan isterinya dalam keadaan haid adalah haram, haram secara mutlak bagi perempuan yang berpuasa ketika haid sama ada puasa sunat mahupun fardhu, perbuatan mentalak isteri ketika haid adalah haram manakala para pelajar tidak pasti perempuan yang istihadah diperbolehkan untuk melakukan tawaf sunat. Dapatan-dapatan ini adalah selari dengan kajian Muhammad Arif Azmi (2021).

Pengkaji – pengkaji akan datang disarankan agar dapat memperluaskan lagi kajian berkaitan dengan haid dan jenis-jenis istihadah ini. Kajian ini boleh dikembangkan dengan meluaskan jumlah responden mahupun golongan sasaran kepada anggota masyarakat khususnya kepada para suami dan pelajar siswa kerana mereka adalah peneraju dan bakal mengetuai sesebuah keluarga suatu hari nanti. Selain dari itu, boleh juga melihat dari sudut pandangan mazhab utama Malaysia atau perbezaan pandangan empat mazhab utama terhadap masalah – masalah cabang yang berkait dengan haid dan istihadah.

RUJUKAN

Buku

- Abdul Karim Zaidan. (2000). *Al Mufasal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Baitul al-Muslim fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Bayrut: Al-Resalah.
- al-Bujairimi, Sulaiman bin Muhammad bin Umar. (1996). *Al-Bujairimi ala al-Khatib*. Bayrut: Dar al-Kutub Ilmiah.
- al-Fayumi al-Muqri. (1987). *Al-Misbah Al-Munir*. Bayrut : Maktabah Lubnan.
- al-Nawawi, al-Imam Abi Zakaria Muhyiddin bin Sharif. (1980). *Al-Majmuk Sharah al-Muhazab Li- Shairazi*. Jld. 2. Mamlakah Arabiah Sa'udiah : Maktabah al-Irshad
- Muhammad al-Zahili. (2011). *Al-Mu'tamad fi Fiqh as-Syafi'i*. Damsyik: Darul Kalam.
- Mustafa al-Bugha. (1996). *Fiqh al-Manhaj ala Mazhab Imam As-Syafi'i*. Damsyik: Darul Ulum Insaniah.

Disertasi

- Muhammad Arif Azmi. (2021). *Haid Dan Istihadah Menurut Mazhab Syafie : Kefahamannya Di Kalangan Pelajar Darul Quran Wal Hadiths As Sofa Ampang*. Kertas Projek Keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam. Kluster Pendidikan Dan Sains Sosial.

Jurnal

- Norhafizah Ahmad. (2023). Amalan Pengurusan Kebersihan Haid Menurut al-Quran dan al-Sunnah. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 3(2), 27-35.
- Rayyan Ulya Amani. (2023). Pandangan Para Ulama Tentang Darah Haid dan Darah Istihadah. *Jurnal Bimbingan dan Kaunseling Keluarga*, 5(1), 144-155.
- Rohana Abdullah. (2022). Kajian kes: Tahap kefahaman Pelajar Terhadap Pendidikan Ibadah Dalam Ilmu Fiqh Wanita. *Digest@JMSK*, No. 11(2022).
- Saharah Ahmad Mahadi. (2018). Pengurusan Istihadah Menurut Fiqh Islam Dan Perubatan. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 110-124.
- Siti Asmah Khalid. (2022). Pengetahuan Berkaitan Haid Dan Istihadah Di Kalangan Guru Islam Di Sekolah Kebangsaan Agama Terpilih Di Sarawak. *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*, 7(46), 462-478.
- Vaghela, P. (2024). Sample Size Determination for Social Science Research. *Researchgate*, 1-8. DOI: 10.13140/RG.2.2.15657.40800

Laman Sesawang

- Bab darah wanita kurang diberi perhatian. (2022, 3 Julai). <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2022/07/972438/bab-darah-wanita-kurang-diberi-perhatian> (diakses pada 15 Mei 2024).
- Usah ambil mudah bab haid, nifas & istihadah. (2021, 31 Ogos). <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/08/749054/usah-ambil-mudah-bab-haid-nifas-istihadah> (diakses pada 15 Mei 2024).

Prosiding

- Noraini Ismail. (2016). *Kefahaman Pelajar Terhadap Fiqh Thaharah (Permasalahan Darah Wanita) : Tinjauan Di Uitm Cawangan Perlis*. e-Proceeding of the 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization. ICASIC2016.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.